

**Embargo sehingga jam 1200,  
Jumaat, 28 Ogos 2020**

## **PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

### **PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN JULAI 2020 DAN TEMPOH JANUARI-JULAI 2020#**

#### ***Eksport Tertinggi Dicatatkan Bagi Bulan Julai Setakat Ini***

Eksport Malaysia pada bulan Julai 2020 meningkat 3.1% kepada RM92.53 bilion berbanding Julai 2019 dan merupakan eksport bulan Julai yang tertinggi dicatatkan setakat ini. Ini juga merupakan eksport kedua tertinggi yang pernah direkodkan selepas RM97.12 bilion dicatatkan pada Oktober 2018. Import mengurang 8.7% kepada RM67.38 bilion. Lebihan dagangan berkembang sebanyak 57.5% kepada RM25.15 bilion berbanding RM15.97 bilion pada Julai 2019 dan merupakan lebihan dagangan yang tertinggi direkodkan setakat ini.

Jumlah perdagangan pada Julai 2020 menyusut 2.2% tahun ke tahun kepada RM159.92 bilion disebabkan perdagangan yang rendah direkodkan dengan Australia, Thailand, Republik Korea (ROK), Indonesia dan Jepun. Walau bagaimanapun, perdagangan yang lebih tinggi dicatatkan dengan Amerika Syarikat (AS), India, Bahrain, China, Taiwan, Singapura dan Hong Kong SAR.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan peningkatan 10.4%, 11.7% dan 8.7%, manakala lebihan dagangan naik 20.6%.

Bagi 7 bulan pertama 2020, jumlah perdagangan bernilai RM993.22 bilion, menguncup 6.8% berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Perdagangan yang lebih rendah telah dicatatkan dengan Thailand, Singapura, India dan Jepun manakala kenaikan perdagangan direkodkan dengan ROK, AS dan Bahrain. Eksport pada tempoh ini bernilai RM541.47 bilion, mengurang 6.2% dan import berjumlah

RM451.75 bilion, turun 7.4%. Lebihan dagangan berkembang sebanyak 0.8% kepada RM89.72 bilion.

### **Prestasi Eksport Sektor Utama**

#### ***Eksport bagi Barangan Perkilangan dan Keluaran Pertanian Meningkat 2 bulan Berturut-turut***

Pada Julai 2020, eksport barangan perkilangan yang merangkumi 87.5% daripada jumlah eksport, berkembang 4.7% tahun ke tahun kepada RM80.94 bilion. Ini adalah berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran getah, barangan perkilangan lain terutamanya *solid-state storage devices* (SSD), barangan optik dan saintifik, barangan kayu serta barangan besi dan keluli.

Eksport keluaran pertanian (syer 7.1%) naik 30.4% tahun ke tahun kepada RM6.57 bilion disumbangkan oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Eksport hasil galian (syer 5.1%) mengurangkan 30.2% tahun ke tahun kepada RM4.68 bilion berikutan penyusutan eksport gas asli cecair (LNG).

#### **Barangan eksport utama pada Julai 2020:**

- Barangan E&E bernilai RM39.54 bilion dan merangkumi 42.7% daripada jumlah eksport, meningkat 9.2% berbanding Julai 2019;
- Keluaran petroleum, RM5.97 bilion, 6.5% daripada jumlah eksport, mengurangkan 7.1%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM4.76 bilion, 5.1% daripada jumlah eksport, meningkat 52%;
- Barangan optik dan saintifik, RM4.15 bilion, 4.5% daripada jumlah eksport, naik sebanyak 9.9%; dan
- Keluaran getah, RM4.01 bilion, 4.3% daripada jumlah eksport, meningkat 93.9%.

Berbanding Jun 2020, eksport barangan perkilangan, keluaran pertanian dan hasil galian masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.7%, 5% dan 23.6%.

Bagi tempoh Januari hingga Julai 2020, eksport bagi barangan perkilangan menyusut 4.2% kepada RM464.78 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2019, berikutan pengurangan eksport barangan E&E, kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan logam serta keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport telah dicatatkan bagi keluaran getah, barangan perkilangan lain (SSD), kelengkapan pengangkutan, barangan besi dan keluli serta barangan optik dan saintifik. Eksport keluaran pertanian naik 0.04% kepada RM38.25 bilion disebabkan terutamanya oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit manakala eksport hasil galian turun 27.4% kepada RM35.91 bilion berikutan pengurangan eksport LNG dan petroleum mentah.

### **Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama**

#### ***Barangan E&E Pacu Eksport ke ASEAN pada Julai 2020***

Perdagangan dengan ASEAN pada Julai 2020 yang menyumbang RM40.95 bilion atau 25.6% kepada jumlah perdagangan Malaysia, mengurang 5.1% berbanding Julai 2019. Eksport meningkat 0.1% kepada RM25.58 bilion, disokong terutamanya oleh kenaikan eksport barangan E&E. Import dari ASEAN menyusut 12.6% kepada RM15.36 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM12.86 bilion, meningkat 3.8%
- Thailand RM4.46 bilion, ↓9.4%
- Viet Nam RM3.13 bilion, ↓4.9%
- Indonesia RM2.40 bilion, ↓7.8%
- Filipina RM2.03 bilion, ↑13.7%
- Brunei RM321.1 juta, ↑75.6%
- Myanmar RM243.2 juta, ↑8.0%
- Kemboja RM146.2 juta, ↓11.2%
- Lao PDR RM3.6 juta, ↑123.1%

Eksport ke pasaran ASEAN yang mencatatkan peningkatan termasuklah ke **Singapura**, yang naik sebanyak RM474.2 juta berikutan kenaikan eksport barangan E&E, **Filipina** (↑RM244.4 juta, keluaran petroleum) dan **Brunei** (↑RM138.2 juta, petroleum mentah).

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan peningkatan dua digit sebanyak 14.9%, 16.2% dan 12.9%.

Pada tempoh 7 bulan pertama 2020, perdagangan dengan ASEAN berjumlah RM250.25 bilion, menyusut 12.1% berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Eksport ke rantau ini mengurang 7.9% kepada RM153.79 bilion berikutan penurunan eksport petroleum mentah, barangan perkilangan logam serta barangan E&E. Namun begitu, pertumbuhan eksport telah dicatatkan bagi kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan lain (SSD) serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import jatuh 18% kepada RM96.47 bilion.

#### ***Eksport ke China Meningkat 4 Bulan Berturut-turut***

Pada Julai 2020, perdagangan dengan China meningkat 1.9% tahun ke tahun kepada RM29.44 bilion, mewakili 18.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke China terus meningkat bagi 4 bulan berturut-turut, berkembang 13.9% kepada RM15.58 bilion. Pertumbuhan ini telah dipacu oleh kenaikan eksport barangan besi dan keluli, barangan perkilangan lain (SSD), minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta barangan perkilangan logam. Import dari China mengurang 8.9% kepada RM13.86 bilion.

Berbanding Jun 2020, perdagangan dan eksport masing-masing berkembang 2.6% dan 5.4%, manakala import turun secara marginal sebanyak 0.3%.

Perdagangan dengan China pada 7 bulan pertama 2020 meningkat 0.1% kepada RM178.6 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Eksport ke China berkembang 8.3% kepada RM85.01 bilion disokong oleh kenaikan eksport barangan

besi dan keluli, barangan perkilangan lain (SSD), barangan perkilangan logam serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari China turun 6.3% kepada RM93.59 bilion.

### ***Pertumbuhan Dua Digit Eksport ke AS pada Julai 2020***

Perdagangan dengan AS pada Julai 2020 meningkat 21.7% tahun ke tahun kepada RM17.47 bilion, merangkumi 10.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport melonjak 28.6% kepada RM11.16 bilion disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan perkilangan termasuk barangan E&E, keluaran getah, barangan kayu, keluaran petroleum serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari AS naik 11% kepada RM6.31 bilion.

Berbanding Jun 2020, perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 13.3%, 14.4% dan 11.5%.

Pada tempoh Januari hingga Julai 2020, perdagangan dengan AS meningkat 5.8% kepada RM97.88 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Eksport naik 6.3% kepada RM57.31 bilion berikutan kenaikan eksport keluaran getah, barangan kayu, barangan perkilangan lain (SSD) serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari AS mencatatkan pertumbuhan 5.1% kepada RM40.57 bilion.

### ***Eksport ke EU Terus Berkembang pada Julai 2020***

Jumlah perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang mewakili 7.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada Julai 2020, menguncup 7.3% tahun ke tahun kepada RM12.48 bilion. Eksport meningkat 3.4% kepada RM7.71 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport keluaran getah serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari EU mengurang 20.5% kepada RM4.77 bilion.

Di antara 10 pasaran utama EU yang merangkumi 90.3% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, eksport ke 6 negara mencatatkan peningkatan iaitu **Jerman** (↑7.2%), **Itali** (↑15.3%), **Republik Czech** (↑57.5%), **Slovenia** (↑15.8%), **Hungary** (↑28.6%) dan **Poland** (↑44.2%).

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan peningkatan 4.1%, 6.8% dan 0.1%.

Bagi tempoh 7 bulan pertama tahun 2020, perdagangan dengan EU berjumlah RM79.78 bilion, menurun 16.8% berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Eksport bernilai RM45.98 bilion, menguncup 13.5% disebabkan terutamanya oleh penyusutan eksport barangan E&E. Namun begitu, peningkatan eksport telah dicatatkan bagi keluaran getah, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia. Import dari EU berjumlah RM33.8 bilion, turun 20.9%.

### ***Barangan Perkilangan dan Keluaran Pertanian Imbangi Pengurangan Eksport ke Jepun pada Julai 2020***

Pada Julai 2020, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 6.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia menyusut 7.3% tahun ke tahun kepada RM9.89 bilion. Eksport berkurang 2.8% kepada RM5.2 bilion berikutan pengurangan eksport LNG. Walau bagaimanapun, penurunan ini telah diimbangi oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan perkilangan dan keluaran pertanian ke Jepun, masing-masing meningkat sebanyak 3.5% dan 10.7%. Pertumbuhan eksport dicatatkan bagi barangan E&E, keluaran getah, barangan optik dan saintifik, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta keluaran petroleum. Import dari Jepun bernilai RM4.7 bilion, menurun 11.8%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport mencatatkan pertambahan sebanyak 1.6% dan 5%, manakala import menyusut 1.9%.

Pada tempoh Januari hingga Julai 2020, perdagangan dengan Jepun mengurang 7.5% kepada RM69.52 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Eksport

susut 9.1% kepada RM36.08 bilion disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport LNG. Kenaikan eksport walau bagaimanapun telah dicatatkan bagi petroleum mentah, keluaran getah, barangan optik dan saintifik serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari Jepun mengurang 5.8% kepada RM33.44 bilion.

### ***Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA***

Pada Julai 2020, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 65.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia mengurang 3.9% kepada RM105.05 bilion. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM62.72 bilion, meningkat 1.9% tahun ke tahun dan import menguncup 11.4% kepada RM42.32 bilion.

Kenaikan eksport direkodkan ke **ROK** sebanyak 11.3% kepada RM3.31 bilion, disumbang oleh kenaikan eksport petroleum mentah, **Hong Kong SAR** (↑1.5% kepada RM6.77 bilion, barangan E&E) dan **Pakistan** (↑15.3% kepada RM491.6 juta, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit).

Berbanding Jun 2020, perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 9.6%, 12.3% dan 5.9%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA bagi tempoh 7 bulan pertama tahun 2020 yang merangkumi 66.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia menyusut 6.5% kepada RM662.21 bilion. Eksport pada tempoh ini bernilai RM370.71 bilion, mengurang 6.1% manakala import berjumlah RM291.49 bilion, turun 7.1%.

### **Prestasi Import**

Import pada bulan Julai 2020 menurun 8.7% tahun ke tahun kepada RM67.38 bilion berbanding RM73.8 bilion direkodkan pada Julai 2019. Tiga kategori utama import

mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 67.2% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM32.16 bilion atau 47.7% syer daripada jumlah import, mengurang 17.3%, berikutan penyusutan import bekalan perindustrian diproses, terutamanya besi dan keluli;
- **Barang modal**, bernilai RM6.74 bilion atau 10% daripada jumlah import, mengurang 19.7%, berikutan pengurangan import barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan), khasnya alat ganti bagi jentera dan kelengkapan mekanikal; dan
- **Barang penggunaan**, bernilai RM6.38 bilion atau 9.5% daripada jumlah import, meningkat 0.1%, hasil kenaikan import barangan tahan lama, terutamanya alat ganti bagi jentera dan kelengkapan mekanikal.

Bagi tempoh Januari hingga Julai 2020, import berjumlah RM451.75 bilion, menyusut 7.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Import **barang pengantara** bernilai RM241.4 bilion, mengurang 9.8%, **barang modal** (RM53.13 bilion, ↓7.5%) dan **barang penggunaan** (RM41.25 bilion, ↓2.4%).



**Nota:**

*Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".*

*Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Jumaat, 4 September 2020 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).*

*+ Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).*

*# Data bulan Julai 2020 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.*

*Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.*

*19 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turki, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR dan Hong Kong SAR.*

*Mulai bulan rujukan Februari 2020, Kesatuan Eropah (EU) adalah tidak termasuk United Kingdom*

**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

Tahun / Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Ekspor</u> ( RM Juta )	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> ( RM Juta )	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> ( RM Juta )	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> ( RM Juta )
<b>2019<sup>f</sup></b>				
Januari	86,340.8	73,921.7	12,419.2	160,262.5
Februari	67,683.1	55,567.2	12,115.8	123,250.3
Mac	85,677.0	69,681.4	15,995.6	155,358.4
April	86,227.9	74,376.8	11,851.0	160,604.7
Mei	84,678.6	75,108.5	9,570.0	159,787.1
Jun	76,690.9	65,630.3	11,060.6	142,321.2
<b>Julai</b>	<b>89,764.9</b>	<b>73,796.3</b>	<b>15,968.6</b>	<b>163,561.2</b>
Ogos	81,513.3	70,460.9	11,052.4	151,974.2
September	78,251.5	69,437.6	8,813.9	147,689.1
Oktober	90,861.0	73,288.8	17,572.2	164,149.7
November	80,947.4	74,261.1	6,686.2	155,208.5
Disember	86,435.7	73,880.2	12,555.6	160,315.9
<b>2019 (Jan-Dis)<sup>f</sup></b>	<b>995,071.9</b>	<b>849,410.8</b>	<b>145,661.1</b>	<b>1,844,482.7</b>
<b>2020<sup>p</sup></b>				
Januari	84,114.1	72,081.0	12,033.1	156,195.1
Februari	74,451.0	61,831.6	12,619.4	136,282.6
Mac	80,118.9	67,804.8	12,314.1	147,923.7
April	64,786.6	68,420.2	-3,633.6	133,206.9
Mei	62,649.6	52,262.9	10,386.7	114,912.5
Jun	82,819.5	61,966.0	20,853.5	144,785.5
<b>Julai</b>	<b>92,530.9</b>	<b>67,384.2</b>	<b>25,146.7</b>	<b>159,915.0</b>
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<b>11.7</b>	<b>8.7</b>	<b>20.6</b>	<b>10.4</b>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<b>3.1</b>	<b>-8.7</b>	<b>57.5</b>	<b>-2.2</b>
2019 <sup>f</sup> (Jan-Jul)	577,063.1	488,082.2	88,980.9	1,065,145.3
<b>2020<sup>p</sup> (Jan-Jul)</b>	<b>541,470.6</b>	<b>451,750.6</b>	<b>89,720.0</b>	<b>993,221.2</b>
<i>Perubahan (%)</i>	<b>-6.2</b>	<b>-7.4</b>	<b>0.8</b>	<b>-6.8</b>

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JULAI)**

Barangan	Jul 2020 <sup>p</sup>	Jun 2020 <sup>p</sup>	Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>92,530.9</b>	<b>82,819.5</b>	<b>89,764.9</b>	<b>11.7</b>	<b>3.1</b>
Barangan E&E	39,536.3	32,552.8	36,200.6	21.5	9.2
Keluaran Petroleum	5,970.2	4,488.1	6,423.1	33.0	-7.1
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	4,756.4	4,682.1	3,128.8	1.6	52.0
Barangan Optik & Saintifik	4,148.7	3,786.5	3,773.9	9.6	9.9
Keluaran Getah	4,008.0	3,567.5	2,067.5	12.3	93.9
Kimia & Bahan Kimia	3,845.7	4,304.9	5,009.1	-10.7	-23.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,795.9	4,187.7	3,970.1	-9.4	-4.4
Barangan Perkilangan Logam	3,381.1	3,681.1	3,592.8	-8.1	-5.9
Barangan Besi & Keluli	2,031.4	1,892.9	1,861.9	7.3	9.1
Petroleum Mentah	1,973.8	911.8	2,076.3	116.5	-4.9

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (JULAI)**

Pasaran	Jul 2020 <sup>p</sup>	Jun 2020 <sup>p</sup>	Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>92,530.9</b>	<b>82,819.5</b>	<b>89,764.9</b>	<b>11.7</b>	<b>3.1</b>
China	15,575.1	14,780.1	13,674.4	5.4	13.9
Singapura	12,855.9	10,946.2	12,381.6	17.4	3.8
AS	11,159.6	9,756.8	8,674.8	14.4	28.6
Hong Kong SAR	6,773.9	6,022.7	6,676.9	12.5	1.5
Jepun	5,196.1	4,948.7	5,347.4	5.0	-2.8
Thailand	4,460.4	3,758.3	4,923.7	18.7	-9.4
Taiwan	3,611.0	3,217.8	3,786.2	12.2	-4.6
ROK	3,310.3	2,774.3	2,973.9	19.3	11.3
Viet Nam	3,129.3	2,754.4	3,291.2	13.6	-4.9
India	2,961.6	2,078.3	3,197.1	42.5	-7.4

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-JULAI)**

Barangan	Jan-Jul 2020 <sup>p</sup>	Jan-Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>541,470.6</b>	<b>577,063.1</b>	<b>-6.2</b>
Barangan E&E	205,909.6	218,090.5	-5.6
Keluaran Petroleum	39,171.7	41,640.7	-5.9
Kimia & Bahan Kimia	29,060.4	33,691.3	-13.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	27,323.0	25,489.8	7.2
Barangan Optik & Saintifik	22,342.0	21,814.2	2.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	22,244.1	24,262.3	-8.3
Barangan Perkilangan Logam	20,228.1	24,069.4	-16.0
Keluaran Getah	19,615.9	14,539.5	34.9
LNG	19,595.2	25,712.0	-23.8
Barangan Besi & Keluli	13,626.2	12,785.2	6.6

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-JULAI)**

Pasaran	Jan-Jul 2020 <sup>p</sup>	Jan-Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>541,470.6</b>	<b>577,063.1</b>	<b>-6.2</b>
China	85,009.2	78,529.7	8.3
Singapura	77,557.3	78,361.8	-1.0
AS	57,313.0	53,907.9	6.3
Hong Kong SAR	37,283.0	39,142.8	-4.8
Jepun	36,076.7	39,678.2	-9.1
Thailand	25,941.3	34,935.3	-25.7
ROK	20,737.5	19,392.4	6.9
Taiwan	19,778.3	21,055.5	-6.1
Indonesia	18,768.5	17,213.0	9.0
Viet Nam	16,966.6	20,670.5	-17.9

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT (JULAI)**

Barangan	Jul 2020 <sup>p</sup>	Jun 2020 <sup>p</sup>	Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>67,384.2</b>	<b>61,966.0</b>	<b>73,796.3</b>	<b>8.7</b>	<b>-8.7</b>
Barangan E&E	23,466.5	21,273.7	20,774.9	10.3	13.0
Kimia & Bahan Kimia	5,746.7	5,616.5	7,127.1	2.3	-19.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,188.0	5,157.4	6,330.1	0.6	-18.0
Keluaran Petroleum	5,082.0	4,157.9	6,051.4	22.2	-16.0
Barangan Perkilangan Logam	4,367.5	3,210.7	3,684.2	36.0	18.5
Barangan Optik & Saintifik	1,994.5	1,986.8	2,127.3	0.4	-6.2
Barangan Besi & Keluli	1,989.0	2,145.9	2,739.5	-7.3	-27.4
Barangan Makanan Diproses	1,716.9	1,863.1	1,806.7	-7.8	-5.0
Petroleum Mentah	1,666.3	830.6	2,795.7	100.6	-40.4
Kelengkapan Pengangkutan	1,663.1	1,540.5	3,206.1	8.0	-48.1

**JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT (JULAI)**

Sumber	Jul 2020 <sup>p</sup>	Jun 2020 <sup>p</sup>	Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>67,384.2</b>	<b>61,966.0</b>	<b>73,796.3</b>	<b>8.7</b>	<b>-8.7</b>
China	13,863.2	13,900.9	15,215.6	-0.3	-8.9
Singapura	7,022.0	6,111.4	7,102.4	14.9	-1.1
AS	6,313.6	5,664.5	5,687.4	11.5	11.0
Taiwan	5,492.7	4,689.7	4,875.1	17.1	12.7
Jepun	4,698.7	4,790.6	5,329.3	-1.9	-11.8
Indonesia	2,969.2	2,574.1	3,760.6	15.4	-21.0
Thailand	2,688.8	2,521.9	3,497.8	6.6	-23.1
India	2,602.4	1,907.6	1,712.7	36.4	51.9
ROK	2,530.5	2,512.2	3,900.5	0.7	-35.1
Jerman	1,932.9	1,892.2	2,501.5	2.2	-22.7

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-JULAI)**

Barangan	Jan-Jul 2020 <sup>p</sup>	Jan-Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>451,750.6</b>	<b>488,082.2</b>	<b>-7.4</b>
Barangan E&E	140,939.0	140,305.5	0.5
Kimia & Bahan Kimia	41,474.9	47,708.5	-13.1
Keluaran Petroleum	36,417.9	43,298.8	-15.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	33,148.8	40,591.1	-18.3
Barangan Perkilangan Logam	25,145.9	25,836.1	-2.7
Kelengkapan Pengangkutan	23,230.5	23,759.1	-2.2
Barangan Besi & Keluli	14,426.6	17,305.5	-16.6
Petroleum Mentah	13,845.2	16,266.4	-14.9
Barangan Optik & Saintifik	12,608.3	13,578.5	-7.1
Barangan Makanan Diproses	12,323.4	11,649.2	5.8

**JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-JULAI)**

Sumber	Jan-Jul 2020 <sup>p</sup>	Jan-Jul 2019 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>451,750.6</b>	<b>488,082.2</b>	<b>-7.4</b>
China	93,589.4	99,835.7	-6.3
Singapura	41,887.0	49,983.2	-16.2
AS	40,570.0	38,601.2	5.1
Jepun	33,444.4	35,501.7	-5.8
Taiwan	32,312.6	33,694.6	-4.1
ROK	30,566.9	22,414.8	36.4
Indonesia	19,934.2	22,369.3	-10.9
Thailand	17,908.4	26,096.2	-31.4
India	14,287.6	12,757.8	12.0
Jerman	13,679.8	15,833.2	-13.6


Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia  
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f - data muktamad

**CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2014 – JULAI 2020**



(20)